A

Soo Lik Duo lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO J-05(M)-101–03 TAHUN 2016
MOHTARUDIN BAKI, ZAKARIA SAM DAN ABDUL KARIM HHMR
9 JANUARI 2019

C *Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu disabitkan bersalah dan dijatuhkan hukuman gantung mandatori di bawah s 302 Kanun Keseksaan — Sama ada hakim bicara gagal mengambil kira bahawa pendakwaan gagal membuktikan inti pati pertuduhan — Sama ada hakim bicara gagal mengambil kira dan mempertimbangkan keterangan doktor*
D *pakar tentang anggaran waktu kecederaan adalah semasa si mati di bawah jagaan datuk, nenek dan ibu si mati — Sama ada hakim bicara terkhilaf apabila menerima kandungan laporan bedah siasat yang disediakan oleh seorang pakar — Sama ada hakim bicara gagal membuat penilaian bahawa terdapat keterangan yang menyokong keterangan doktor pakar berhubung dengan anggaran*
E *jangka waktu kecederaan — Kanun Keseksaan ss 300(c) & 302*

Soo Lik Duo ('perayu') telah dituduh atas kesalahan membunuh anak teman wanitanya yang berumur lapan bulan, satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Perayu dan ibu si mati ('SP8') merupakan
F pasangan kekasih yang tinggal serumah di alamat No 45, Jalan Bestari 2, Taman Bestari, Tongkang Pechah, Batu Pahat, Johor. Pada hari kejadian, perayu telah membawa si mati naik ke tingkat atas rumah tersebut. Pada lebih kurang jam 2.30–3 petang, SP8 mendengar bunyi tamparan atau tepukan tangan sebanyak tiga kali dan diikuti jeritan dan tangisan si mati. SP8
G kemudian terus naik dan nampak si mati terbaring senyap di sebelah perayu. Perayu memberitahu SP8 bahawa si mati sedang nyenyak tidur. Kemudiannya, SP8 mendapati kepala si mati bengkak di sebelah kanan dahinya dan terdapat lebam kecil. Rentetan itu, si mati telah dirujuk ke hospital dan setelah enam hari menerima rawatan, si mati telah disahkan meninggal dunia. Laporan
H bedah siasat menunjukkan punca kematian ialah 'head injury due to blunt force trauma'. Di akhir perbicaraan, hakim bicara mensabitkan perayu bersalah dan menjatuhkan hukuman gantung mandatori ke atasnya. Dalam rayuan semasa, isu-isu yang dibangkitkan ialah hakim bicara telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila: (a) gagal mengambil kira bahawa pihak
I pendakwaan telah gagal membuktikan inti pati pertuduhan; (b) gagal mengambil kira dan mempertimbangkan keterangan Doktor Pakar Radiologist, Dr Mohd Hamizzuri bin Huri ('SP11'), yang memberikan anggaran jangka waktu kecederaan-kecederaan di kepala, patah kaki kiri dan patah tangan kanan yang berlaku sewaktu mangsa berada di bawah jagaan

datuknya Mohd Ashak bin Talin ('SP5'), nenek Misnah bt Sulaiman ('SP7') dan SP8; (c) menerima kandungan laporan bedah siasat ('P26') yang disediakan oleh seorang pakar yang telah ditandakan melalui pegawai penyiasat ASP Aziz bin Abdullah ('SP16'), dan SP16 tidak dapat disoal balas sepenuhnya berhubung dengan isi kandungan P26 oleh pihak pembelaan; dan (d) gagal membuat penilaian bahawa keterangan Dr Khairul Anuar bin Zainun ('SD2') menyokong keterangan SP11 berhubung dengan anggaran jangka waktu kecederaan.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Dalam sub-s (c), s 300, Kanun Keseksaan, kesan daripada bencana tubuh yang diniatkan mestilah dipertimbangkan secara objektif. Apa yang perlu dicari dan dipertimbangkan adalah sama ada terdapatnya keterangan terutamanya dari sudut perubatan dalam membantu mahkamah untuk membuat kesimpulan bagi mencapai maksud ungkapan 'mencukupi pada lazimnya untuk menyebabkan kematian'. Di dalam kes semasa, terdapat keterangan oleh SP11 yang tidak dicabar semasa pemeriksaan balas. Selanjutnya, SP13 dengan jelas menyatakan kecederaan di kepala yang dialami oleh si mati adalah serius. Apa yang jelas juga ialah bencana tubuh tersebut ialah sesuatu yang disengajakan dan keterangan para doktor jelas mengatakan bencana tubuh tersebut disebabkan oleh trauma berulang di kepala. Bencana tubuh yang dialami oleh si mati, dilihat secara objektif, jelas pada lazimnya mencukupi untuk menyebabkan kematian, lebih-lebih lagi ke atas bayi yang berumur lebih kurang lapan bulan (lihat perenggan 18 & 21).

(2) Jika ada pun kecacatan dalam pengemukaan eksh P26, itu tidak memudaratkan kerana terdapatnya keterangan perubatan dan pakar perubatan yang lain mengenai jenis dan punca kematian si mati. Dengan memanggil SD2 sebagai saksi pembelaan, eksh P26 telah diberikan keabsahan dan akhirnya, memperkuatkan lagi kes pendakwaan. Selain itu, penemuan SD2 dalam laporan eksh P26 adalah konsisten dengan rumusan atau kesimpulan saksi-saksi pakar perubatan yang dipanggil oleh pendakwaan. Kesimpulannya, mahkamah bersetuju dengan dapatan hakim bicara berkenaan dengan keterangan SD2 tersebut. Oleh itu, isu ini tidak bermerit (lihat perenggan 22).

(3) Kecederaan pada kaki dan tangan tidak menjadi isu di sini. Kesemua saksi termasuk saksi perubatan dan pakar bersetuju bencana tubuh yang kritikal ialah di kepala dan telah berlaku dalam lingkungan masa 48 jam sebelum si mati dibawa ke hospital dalam keadaan yang boleh dikatakan parah. SP5 dengan jelas menafikan ada mengapa-apakan si mati. Begitu juga dengan SP7 dan SP8. Kecederaan di kaki dan tangan yang diketengahkan oleh peguam tidak menyumbang atau penyebab kematian si mati. Ini turut disahkan oleh SD2. Oleh itu, isu ini dengan

jelas tidak bermerit 'in limine'. Mengenai penglibatan perayu pula, mahkamah bersetuju dengan dapatan hakim bicara yang telah menganalisis keterangan yang dikemukakan dan pemakaian perundangan yang mengawal dengan baik sekali. Mahkamah mendapati tiadanya cacat cela yang mewajarkan campur tangan Mahkamah Rayuan dalam penemuan hakim bicara (lihat perenggan 23–24).

(4) Berdasarkan dapatan-dapatan di atas, mahkamah bersetuju bahawa pendakwaan telah berjaya membuktikan kes terhadap perayu tanpa keraguan yang munasabah. Mahkamah juga bersetuju bahawa hakim bicara telah tidak melakukan apa-apa salah arah atau kecacatan dalam mempertimbangkan pembelaan perayu dan mendapati pembelaan tersebut gagal menimbulkan apa-apa keraguan ke atas kes pendakwaan. Ekoran itu, mahkamah memutuskan rayuan semasa tidak bermerit (lihat perenggan 25).

[English summary

Soo Lik Duo ('the appellant') was charged for the offence of murdering his girlfriend's eight-month-old daughter, an offense punishable under s 302 of the Penal Code. The appellant and the mother of the deceased ('SP8') were a couple who lived together at No 45, Jalan Bestari 2, Taman Bestari, Tongkang Pechah, Batu Pahat, Johor. On the day of the incident, the appellant had brought the deceased up to the upper floor of the house. At about 2.30–3pm, SP8 heard the sound of a slap or a three times clap and followed by the screams and cries of the deceased. SP8 then went up and saw the deceased lying silently next to the appellant. The appellant told SP8 that the deceased was sleeping. Then, SP8 found the deceased's head swollen at the right of her forehead and there was a small bruise. Following that, the deceased was referred to the hospital and after six days of receiving treatment, the deceased was confirmed dead. The post-mortem report showed the cause of death was 'head injury due to blunt force trauma'. At the end of the trial, the trial judge convicted the appellant guilty and sentenced to mandatory death. In this appeal, the issues that arose was the trial judge had erred in terms of fact and law when: (a) failed to consider that the prosecution had failed to prove the essence of the charge; (b) failed to take into account and consider the evidence of Radiologist Dr Mohd Hamizzuri bin Huri ('SP11'), which provided the estimated time period of head injuries, left leg fractures and right hand fractures that occurred while the victim was under custody of her grandfather Mohd Ashak bin Talin ('SP5'), grandmother Misnah bt Sulaiman ('SP7') and SP8; (c) received post-mortem report content ('P26') provided by an expert which had been marked by an investigating officer ASP Aziz bin Abdullah ('SP16'), and SP16 could not be fully cross-examined to the content of P26 by the defence; and (d) failed to evaluate that the evidence of Dr Khairul Anuar bin Zainun ('SD2') supported the evidence of SP11 in relation to the estimated time period of injury.

Held, dismissing the appeal:

(1) In sub-s (c), s 300 of the Penal Code, the effects of the intended bodily injury must be objectively considered. What to look for and considered was whether there was evidence particularly from the medical point of view in assisting the court to draw conclusion in order to achieve the meaning of the phrase 'suffice to usually cause death'. In this case, there was evidence of SP11 not being challenged during cross-examination. Furthermore, SP13 clearly stated that the head injury suffered by the deceased was serious. What was clear was that the bodily injury was something intentional and the doctors' evidence clearly said the bodily injury was caused by repeated trauma in the head. The bodily injury experienced by the deceased, seen objectively, clearly suffice was sufficient to cause death, especially on an infant who was about eight months old (see paras 18 & 21).

(2) If there was any defect in the production of exh P26, it was not detrimental as there was medical evidence and other medical experts on the type and cause of death of the deceased. By calling SD2 as a defence witness, exh P26 had been granted legitimacy and ultimately, strengthening the prosecution's case. In addition, the findings of SD2 in the exh P26 report were consistent with the summary or conclusion of medical witnesses called by the prosecution. In conclusion, the court agreed with the trial judge's findings regarding the evidence of SD2. Therefore, the issue was of no merit (see para 22).

(3) The injuries in the legs and arms was not an issue here. All witnesses including medical witnesses and experts agreed that the critical bodily injury was in the head and had occurred within 48 hours before the deceased was taken to the hospital in a severe state. SP5 clearly denied harming the deceased. Similar with SP7 and SP8. The injuries in the legs and hands highlighted by the counsel did not contribute or cause the death of the deceased. This was also certified by SD2. Therefore, the issue was clearly not 'in limine'. On the involvement of the appellant, the court agreed with the finding of the trial judge who had analysed the evidence presented and the application of law that regulated very well. The court found that there was no defect that justified the Court of Appeal's intervention in the findings of the trial judge (see paras 23–24).

(4) Based on the above findings, the court agreed that the prosecution had successfully proved the case against the appellant without reasonable doubt. The court also agreed that the trial judge had not committed any misdirection or defect in considering the defence of the appellant and found the defence failed to cause any doubt on the prosecution's case. As a result, the court decided that the appeal was devoid of merit (see para 25).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 321–500.

Kes-kes yang dirujuk

Chin Sen Wah v PP [1958] 1 MLJ 154; [1957] 1 LNS 14 (dirujuk)
Collector of Land Revenue v Alagappa Chettiar [1971] 1 MLJ 43; [1968] 1 LNS 31, PC (dirujuk)
Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v PP [1983] 2 MLJ 232; [1983] CLJ Rep 101; [1983] 2 CLJ 10, MP (dirujuk)
Jitweer Singh a/l Ojagar Singh v PP [2016] 4 MLJ 525; [2017] 2 CLJ 561; [2016] 1 LNS 784, MR (dirujuk)
Magendran a/l Mohan v PP [2011] 6 MLJ 1; [2011] 1 CLJ 805, MP (dirujuk)
Mohd Yasser bin Shaik Mahmad v PP [2017] 4 MLJ 250; [2017] 1 LNS 124, MR (dibeza)
Ooi Lean Chai v PP [1991] 2 MLJ 552, MA (dirujuk)
Rikky Purba v PP [2014] 4 MLJ 569; [2014] 3 CLJ 607, MR (dirujuk)
Sek Kim Wah v PP [1988] 1 MLJ 348; [1988] 2 CLJ Rep 679; [1988] 1 CLJ 739, MR (dirujuk)
Shamsul Kamar bin Karia @ Halim v PP [2013] MLJU 1645; [2013] 9 CLJ 387, MR (dirujuk)
Tham Kai Yau & Ors v PP [1977] 1 MLJ 174; [1976] 1 LNS 159, MP (dibeza)
Virsa Singh v The State of Punjab [1958] SCR 1495; 1958 Indlaw SC 82, MA (dirujuk)
Wong Swee Chin v PP [1981] 1 MLJ 212; [1980] 1 LNS 138, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan ss 300(c), (d), 302, 304(b)
Kanun Tatacara Jenayah s 399(1)

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45B-12–03 Tahun 2013 (Mahkamah Tinggi, Muar)

Md Hazza bin Md Khalid (Hazza Khalid Suraya & Partners) bagi pihak perayu.
Tengku Intan Suraya bt Tengku Ismail (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Abdul Karim HMR:

[1] Soo Lik Duo ('perayu') telah dituduh, dibicarakan dan didapati bersalah atas kesalahan membunuh anak teman wanitanya yang berumur lapan bulan, satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('KK'). Pertuduhan terhadap perayu menyatakan:

Bahawa kamu pada 10.10.2012 jam lebih kurang 3.00 petang hingga 8.00 malam, di rumah No 45, Jalan Bestari 2, Taman Bestari, Tongkang Pechah, dalam daerah Batu Pahat, dalam negeri Johor Darul Ta'zim telah membunuh Nur Irisyafida Balkish binti Abdul Azim (No K/P: 120214-01-1546) dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan

Susulan sabitan, hakim bicara menjatuhi perayu hukuman gantung mandatori ke atasnya. Terkilan dengan keputusan tersebut, perayu telah memfailkan rayuan ini.

[2] Kami telah mendengar penghujahan daripada kedua-dua pihak dan setelah mempertimbangkan penghujahan serta menelaah keterangan dalam rekod, kami memutuskan rayuan perayu ini tidak bermerit. Rayuannya dengan itu ditolak, dan alasan-alasan kami memutuskan sedemikian akan menyusur selepas ini.

FAKTA KES PENDAKWAAN

[3] Hakim bicara telah memperincikan fakta kes dalam alasan penghakimannya dan tidaklah perlu bagi kami untuk mengulanginya di sini. Memadai bagi kami untuk menggariskan fakta yang berikut:

(a) perayu dan ibu mangsa ('Rafidah bt Mohd Ashak'/'SP8') merupakan pasangan kekasih dan pada waktu kejadian SP8 tinggal bersama perayu di alamat No 45, Jalan Bestari 2, Taman Bestari, Tongkang Pechah, Batu Pahat, Johor. Mereka berkenalan sekitar bulan Ogos 2011;

(b) mangsa/si mati ialah anak kandung SP8 dan berumur lapam bulan ketika kejadian. Si mati ialah seorang kanak-kanak perempuan yang sihat dan normal sejak dilahirkan;

(c) sehari sebelum kejadian, SP8 dan perayu bercadang membawa si mati berjalan-jalan ke Melaka, namun hasrat tersebut dibatalkan kerana hari sudah lewat malam. Perayu kemudiannya membawa si mati dan SP8 pulang ke rumahnya. Pada malam itu perayu telah makan malam bersama SP8, kakaknya dan dua orang anaknya. Pada ketika itu si mati mula menangis. SP8 cuba menenangkan si mati daripada berterusan menangis dan mengatakan 'tak apa Balkish kita balik ke rumah tok'. Kata-kata tersebut tidak disenangi oleh perayu dan berlakulah sedikit pertengkaran antara perayu dengan SP8, namun keadaan kembali tenang sehingga keesokan paginya;

(d) keesokan paginya, SP8 terjaga daripada tidur sekitar pukul 10–11 pagi dan melihat si mati tidur bersebelahan perayu. Pada pukul 2 petang, semasa sedang makan tengah hari, si mati mula menangis tanpa henti walaupun cuba ditenteramkan oleh SP8. Perayu meminta SP8 agar

membiarkan si mati menangis tanpa perlu mendukungnya. Perayu kemudiannya mengambil si mati dan membawanya masuk ke dalam kereta dan membuka radio dengan kuat. SP8 ke kereta dan mendapati si mati masih lagi menangis;

(e) perayu kemudian membawa si mati naik ke tingkat atas rumah. SP8 turut ikut naik ke tingkat atas, namun disuruh turun oleh perayu. Lebih kurang pukul 2.30–3 petang, SP8 mendengar bunyi tamparan atau tepukan tangan sebanyak tiga kali dan diikuti jeritan dan tangisan si mati. SP8 terus naik dan nampak si mati terbaring senyap di sebelah perayu. Perayu mengarahkan SP8 turun semula ke tingkat bawah;

(f) pada pukul 4 petang, perayu memberitahu SP8 bahawa si mati nyenyak tidur dan mereka berdua keluar sebentar. Pukul 7 malam mereka kembali ke rumah dan perayu maklumkan SP8 bahawa si mati masih nyenyak tidur. SP8 kemudiannya mendengar suara si mati menangis dalam keadaan tidak selesa dan tidak sihat. SP8 juga mendapati kepala si mati bengkak di sebelah kanan dahinya dan terdapat lebam kecil. Apabila ditanya, perayu memarahi SP8; dan

(g) rentetan daripada kecederaan yang dialami, si mati akhirnya dirujuk ke sebuah klinik dan seterusnya ke Hospital Batu Pahat. Doktor yang menerima si mati pada rawatan awal di Hospital Batu Pahat mengesyaki si mati didera dan keadaan si mati ketika itu sangat kritikal. Selepas enam hari menerima rawatan, si mati telah disahkan meninggal dunia. Laporan bedah siasat dijalankan menunjukkan punca kematian si mati ialah 'head injury due to blunt force trauma'. SP8 kemudian membuat laporan polis dan perayu ditangkap.

DAPATAN HAKIM BICARA DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[4] Hakim bicara mendapati kesemua elemen pertuduhan telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan ke atas perayu iaitu: si mati (Nur Irisyafida Balkis bt Abdul Azim) telah meninggal dunia; kematian si mati diakibatkan daripada bencana tubuh yang dialaminya; bencana tubuh yang menyebabkan kematian si mati diakibatkan oleh perbuatan perayu; dan perbuatan itu dilakukan dengan jenis mens rea di bawah s 300(c) atau 300(d) Kanun Keseksaan.

[5] Hakim bicara menjelaskan bahawa bencana tubuh yang dilakukan oleh perayu ke atas si mati adalah amat 'massive' dan 'serious especially' di 'vital organs of the body ie head' yang fatal dan menyebabkan peluang hidupnya begitu tipis atau berkemungkinan mati yang terlalu tinggi. Ini sekali gus membuktikan perayu mempunyai niat dalam maksud s 300(c) iaitu untuk menyebabkan bencana tubuh dan bencana tubuh yang diakibatkan itu mencukupi pada lazimnya untuk menyebabkan kematian, atau alternatifnya,

dengan pengetahuan bahawa perbuatan itu sebegitu sekali berbahaya hingga mungkin sekali menyebabkan kematian ke atas semati dalam maksud s 300(d) Kanun Keseksaan.

[6] Atas alasan yang dinyatakan, hakim bicara telah memanggil perayu untuk membela diri terhadap pertuduhan.

KES PEMBELAAN

[7] Perayu memberikan keterangan bersumpah. Dalam keterangannya perayu menyatakan bahawa dia dan SP8 telah menjadi pasangan kekasih dalam tempoh satu tahun setengah dan dia menyayangi si mati. Perayu tidak mengetahui tentang kecederaan pada kaki, tangan dan kepala si mati. Perayu menyatakan tepukan yang didengar oleh SP8 ialah tepukan menghalau nyamuk sahaja dan perayu tidak menyebabkan apa-apa kecederaan kepada si mati.

DAPATAN DI AKHIR KES PEMBELAAN

[8] Di akhir kes pembelaan, hakim bicara berpuas hati bahawa keterangan pembelaan telah gagal membangkitkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Pembelaan perayu hanyalah bersifat penafian semata-mata (*mere denial*) tanpa disokong dengan apa-apa bukti-bukti lain yang boleh menggugat atau meragukan kes pendakwaan. Pembelaan perayu tidak berasas dan tidak bermerit. Perayu dengan itu didapati bersalah dan dihukum sepertimana yang dinyatakan di atas.

RAYUAN INI

[9] Walaupun peguam bela yang terpelajar ('peguam') mengemukakan 12 isu dalam petisyen rayuan untuk mencabar keputusan hakim bicara, namun ketika perbicaraan rayuan ini di hadapan kami peguam hanya memfokuskan kepada empat isu utama sahaja. Isu-isu tersebut ialah hakim bicara telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila:

(a) gagal mengambil kira bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan inti pati pertuduhan;

(b) gagal mengambil kira dan mempertimbangkan keterangan doktor pakar radiologist, Dr Mohd Hamizzuri bin Huri ('SP11'), yang memberikan anggaran jangka waktu kecederaan-kecederaan di kepala, patah kaki kiri (*spiral in nature*) dan patah tangan kanan yang berlaku sewaktu mangsa berada di bawah jagaan datuk Mohd Ashak bin Talin ('SP5'), nenek Misnah bt Sulaiman ('SP7') dan ibu si mati ('SP8');

(c) menerima kandungan laporan *post-mortem* (P26) yang disediakan oleh

seorang pakar yang telah ditandakan melalui pegawai penyiasat ASP Aziz bin Abdullah ('SP16'), dan SP16 itu tidak dapat disoal balas sepenuhnya berhubung dengan isi kandungan P26 oleh pihak pembelaan; dan

(d) gagal membuat penilaian bahawa keterangan Dr Khairul Anuar bin Zainun ('SD2') menyokong keterangan SP11 berhubung dengan anggaran jangka waktu kecederaan.

[10] Bagi isu (a), peguam menegaskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan elemen pertuduhan iaitu perayu mempunyai niat atau pengetahuan untuk menyebabkan kematian ke atas si mati. Hakim bicara telah merujuk kes *Tham Kai Yau & Ors v Public Prosecutor* [1977] 1 MLJ 174; [1976] 1 LNS 159 dengan menyebut 'in the gist it is a question of degree of probabilities'. Pada masa yang sama, hakim bicara juga merujuk kepada peruntukan s 300(d) bahawa perayu mempunyai pengetahuan tentang perbuatannya boleh menyebabkan kematian. Perayu berhujah bahawa dapatan hakim bicara ini jelas tersasar daripada prinsip undang-undang sebenar. Dalam rayuan ini, keterangan berhubung sebab kematian si mati dimasukkan melalui pegawai penyiasat mengikut s 399(1) Kanun Prosedur Jenayah apabila laporan *post-mortem* telah ditandakan sebagai eksh P26. Kemasukan eksh P26 melalui s 399(1) Kanun Prosedur Jenayah dengan sendirinya tidak mampu memenuhi syarat yang dinyatakan dalam kes *Tham Kai Yau & Ors v Public Prosecutor*, dan *Mohd Yasser bin Shaik Mahmad v Public Prosecutor* [2017] 4 MLJ 250; [2017] 1 LNS 124. Lantaran itu peguam berhujah bahawa hakim bicara telah tersasar semasa memutuskan bahawa s 300(c) telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Selanjutnya peguam menghujahkan bahawa eksh P26 telah juga melanggar syarat utama yang digariskan oleh s 399(1) Kanun Prosedur Jenayah. Oleh yang demikian, eksh P26 wajar ditolak dan tidak seharusnya diterima sebagai keterangan. Dalam keadaan ini, s 300(c) telah gagal dibuktikan dan sekali gus kes prima facie juga gagal dibangkitkan oleh pendakwaan.

[11] Isu (b) dan (d) pula berkait rapat. Peguam menghujahkan bahawa hakim bicara terkhilaf dan tersalah arah kerana tidak menilai keterangan pembelaan perayu yang menunjukkan bahawa kecederaan di kepala si mati berkemungkinan disebabkan oleh perbuatan datuk, nenek, atau ibu si mati (SP8) sendiri. Melalui keterangan SD2, satu keraguan munasabah telah berjaya diwujudkan berkenaan dengan anggaran jangka waktu kecederaan yang dialami oleh si mati. Hakim bicara dalam alasan penghakimannya juga tidak menyatakan bahawa hanya perayu mempunyai akses terhadap si mati. Dihujahkan datuk, nenek dan SP8 juga mempunyai peluang dan akses yang sama banyak sebagaimana perayu untuk mendekati atau mencederakan si mati malahan mengikut keterangan SD2 anggaran masa kecederaan yang dialami oleh si mati boleh jadi dari 7–10 Oktober 2012. Oleh yang demikian, sesiapa juga yang mempunyai *substantial access* (jagaan dan kawalan) terhadap si mati

pada masa kejadian dan dalam tempoh tersebut sebelum kematiannya berdasarkan anggaran waktu oleh SD2 berkemungkinan menyebabkan kecederaan tersebut. Jika diambil kira dari tarikh-tarikh yang dinyatakan berserta kecederaan patah tangan dan kaki si mati, maka inferens yang timbul memihak kepada perayu iaitu unsur penderaan pada si mati telah wujud sejak dalam jagaan datuk, nenek, dan ibu si mati. Namun hakim bicara telah tidak membuat sebarang dapatan bermerit berhubung kedudukan perkara ini.

[12] Peguam juga menghujahkan bahawa hakim bicara telah menerima keterangan SP8 (ibu si mati) secara keseluruhannya sedangkan hakim bicara sepatutnya menilai dan menimbang keterangan SP8 dengan berhati-hati memandangkan dia merupakan seorang saksi berkepentingan. Ini disebabkan oleh SP8 ada bersama-sama perayu semasa kejadian. Malahan, SP8 juga ditangkap dan turut dinamakan sebagai suspek dalam kes ini. Peguam seterusnya menghujahkan bahawa keterangan SP8 menerbitkan keraguan dan rasa syak dan sekali gus menyebabkan SP8 menjadi seorang saksi yang tidak kredibel. Kegagalan hakim bicara memberikan amaran atau melihat sama ada terdapat keterangan untuk menyokong keterangan SP8 dan menerima keterangan tersebut bulat-bulat serta meyakini dan berpaut pada keterangan tersebut merupakan satu salah arah yang serius. Hakim bicara juga dengan mudah telah menolak kemungkinan-kemungkinan yang ditimbulkan oleh pihak pembelaan bahawa datuk, nenek, atau ibu si mati (SP8) boleh menjadi suspek utama sebagaimana saranan SP11 yang mampu menyebabkan kecederaan fatal tersebut terhadap si mati. Rujuk kes *Rikky Purba v Public Prosecutor* [2014] 4 MLJ 569; [2014] 3 CLJ 607, *Magendran a/l Mohan v Public Prosecutor* [2011] 6 MLJ 1; [2011] 1 CLJ 805.

[13] Berkenaan isu (c), peguam menghujahkan bahawa eksh P26 yang telah diterima masuk dan ditandakan melalui pegawai penyiasat (SP16) adalah bertentangan dengan prinsip s 399(1) Kanun Prosedur Jenayah. Seterusnya dihujahkan bahawa tiada keterangan menunjukkan pihak pendakwaan telah menyerahkan eksh P26 kepada perayu mengikut tempoh sepuluh hari sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang. Bahkan tidak juga penyerah salinan eksh P26 dipanggil sebagai saksi untuk memberikan keterangan penyerahan ekshibit tersebut atau sekurang-kurangnya keterangan berkaitan penyerahan melalui keterangan pegawai penyiasat. Oleh yang demikian, kemasukan eksh P26 bertentangan dengan s 399(1) Kanun Prosedur Jenayah dan wajar tidak diterima. Peguam seterusnya menegaskan bahawa eksh P26 wajar ditolak dan tidak diterima sebagai ekshibit yang telah dibuktikan. Tanpa eksh P26, sebab kematian si mati tidak dapat ditentukan oleh mahkamah dan perkara ini menyebabkan elemen pertuduhan gagal dibuktikan pada tahap prima facie oleh pihak pendakwaan (rujuk kes *Ooi Lean Chai v Public Prosecutor* [1991] 2 MLJ 552 dan *Shamsul Kamar bin Karia @ Halim v Public Prosecutor* [2013] MLJU 1645; [2013] 9 CLJ 387).

[14] Atas alasan yang dikemukakan, peguam memohon agar rayuan perayu dibenarkan dan perayu dilepaskan dan dibebaskan daripada pendakwaan atau secara alternatifnya, rayuan dibenarkan dan pertuduhan dipinda kepada s 304(b) Kanun Keseksaan.

[15] Responden pula dalam menjawab hujahan perayu mengatakan pembelaan perayu gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Ini kerana kecederaan yang dialami oleh si mati telah disahkan oleh saksi-saksi perubatan bahawa kecederaan itu berlaku dalam tempoh 48 jam sebelum dia dihantar ke hospital. Punca kematian si mati iaitu 'head injury due to blunt force trauma' yang terdapat keretakan di tengkorak kepala si mati merupakan satu kecederaan yang 'fatal in nature'. Pendakwaan telah bergantung pada keterangan ikut keadaan dan semua keterangan tersebut menjurus kepada perayu selaku satu-satunya orang yang boleh menyebabkan kecederaan tersebut berlaku. Pembelaan perayu hanyalah bersifat penafian semata-mata dan tidak memihak kepada perayu.

KEPUTUSAN KAMI

[16] Kami telah meneliti isu-isu yang dibangkitkan dan penghujahan kedua-dua pihak serta menelaah keterangan dalam rekod. Kami mengambil pendirian bahawa rayuan ini tidak bermerit. Kami memutuskan sedemikian atas alasan yang berikutan.

ISU (a), (c) DAN (d): KEGAGALAN PEMBUKTIAN KEHENDAK S 300(c) DAN (d), EKSH P26 DAN KETERANGAN SD2

[17] Kami akan pertimbangkan kesemua isu di atas bersekali. Dengan berlandaskan kes *Tham Kai Yau & Ors v Public Prosecutor*, dan *Mohd Yasser Shaik Mahmad v Public Prosecutor*, peguam menegaskan bahawa pendakwaan telah gagal mengemukakan apa-apa keterangan perubatan daripada ahli patologi mengenai isu sama ada bencana tubuh yang dialami oleh si mati mencukupi pada lazimnya untuk menyebabkan kematian. Dihujahkan lagi bahawa mahkamah tidak boleh bergantung pada laporan *post-mortem* oleh SD2 ie eksh P26, untuk mengisi kelompangan itu memandangkan eksh tersebut tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan kerana pendakwaan telah gagal mematuhi kehendak s 399(1) Kanun Prosedur Jenayah.

[18] Kami tidak diyakinkan dengan hujahan tersebut. Dalam mempertimbangkan isu yang ditimbulkan, tidak perlu bagi kami untuk mengulangi perbezaan antara peruntukan ss 299 dan 300 memandangkan kedudukan itu kini sudah mantap terutamanya daripada kes-kes yang telah dirujuk dalam penghujahan kedua-dua pihak. Kami akan hanya memberikan fokus utama kepada peruntukan s 300(c) kerana itu yang ditegaskan secara

kritikal oleh peguam. Daripada autoriti yang disandari, s 300(c) mengetepikan pengetahuan secara subjektif. Klausa (c) ini menyentuh tentang perbuatan yang dilakukan dengan niat untuk menyebabkan bencana tubuh pada seseorang dan bencana tubuh yang diniatkan untuk diakibatkan itu adalah mencukupi pada lazimnya untuk menyebabkan kematian. Dalam klausa ini kesan (*result*) daripada bencana tubuh yang diniatkan itu mestilah dipertimbangkan secara objektif. Jika bencana tubuh yang diniatkan dan dilakukan oleh pelaku itu adalah mencukupi untuk menyebabkan kematian, maka itu akan terjumlah kepada kesalahan membunuh tidak kira sama ada pelaku berniat untuk menyebabkan kematian atau tidak, dan sama ada pelaku ada pengetahuan subjektif tentang kesannya atau tidak. Sepertimana yang diputuskan dalam kes *locus classicus Virsa Singh v The State of Punjab* [1958] SCR 1495; 1958 Indlaw SC 82, bagi pemakaian klausa (c) ini mesti dibuktikan bahawa bencana tubuh telah dilakukan, kemudian hendaklah dibuktikan secara objektif apakah jenis bencana tubuh itu dalam keadaan lazimnya. Jika bencana tubuh itu didapati mencukupi untuk menyebabkan kematian, kehendak ini dipenuhi. Selanjutnya, hendaklah dibuktikan adanya niat untuk mengakibatkan bencana tubuh itu dan bukan yang lain serta bencana tubuh itu bukanlah sesuatu yang tidak disengajakan (*accidental*) atau tidak diniatkan (*unintentional*). Jika semua ini dibuktikan, kesalahan membunuh telah dibangkitkan.

[19] Jelasnya, pertimbangan mengenai kesan bencana tubuh yang diniatkan itu bagi maksud s 300(c) hendaklah dibuat secara objektif. Persoalannya, pertimbangan secara objektif (ujian objektif) itu dilakukan oleh siapa? Pada pandangan kami, sudah semestinya oleh mahkamah kerana di akhir mana-mana perbicaraan dan dalam mempertimbangkan apa jua keterangan yang dikemukakan, sama ada oleh saksi biasa atau pakar, akan menjadi peranan muktamad mahkamah untuk membuat keputusan dan dapatan. Dalam kes *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212; [1980] 1 LNS 138, telah dinyatakan bahawa peranan keterangan pakar adalah untuk membantu hakim dalam mencapai keputusannya. Bagaimanapun tanggungjawab untuk memutuskan apa jua isu secara muktamad dalam mana-mana pertikaian akhirnya akan terletak ke atas hakim — *Chin Sen Wah v Public Prosecutor* [1958] 1 MLJ 154; [1957] 1 LNS 14; *Sek Kim Wah v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 348; [1988] 2 CLJ Rep 679; [1988] 1 CLJ 739 (lihat juga *Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232; [1983] CLJ Rep 101; [1983] 2 CLJ 10, *Collector of Land Revenue v Alagappa Chettiar* [1971] 1 MLJ 43 at p 46; [1968] 1 LNS 31 (PC)). Tambahan lagi, dalam kes Mahkamah Rayuan *Jitweer Singh a/l Ojagar Singh v Public Prosecutor* [2016] 4 MLJ 525; [2017] 2 CLJ 561; [2016] 1 LNS 784 diyatakan: 'It is trite law that a judge must not consider expert evidence in a vacuum in the sense that the same should not be artificially separated from the rest of the evidence'.

[20] Mengaplikasikan prinsip dan ujian di atas, perlu ditentukan dahulu apakah bencana tubuh yang telah buktikan. Dicatatkan pendakwaan telah mengemukakan keterangan yang terperinci daripada SP8 dan juga para doktor iaitu SP10, SP11, SP13, SP14 dan SP15 mengenai bencana tubuh yang dialami oleh si mati dalam tempoh 48 jam sebelum si mati dihantar ke hospital. SP10 mendapati antara lain adanya bengkak di bahagian belakang kanan dan saiznya agak besar lebih kurang 5cm x 3cm. Bengkak tersebut dikatakan mungkin disebabkan oleh pendarahan dan retak tulang tengkorak. SP14 juga mengesahkan kepala mangsa lembut dan tengkoraknya tidak dapat dirasai serta terdapatnya lebam di kepala si mati itu. Begitu juga dengan penemuan oleh SP13 yang menambah lanjut bahawa si mati mengalami kecederaan di bahagian kanan kepala dan bengkak di bahagian kanan muka sehingga ke bahagian belakang telinga. Selain itu, terdapat juga dua garisan di sebelah mata kanan berukuran 5cm x 4cm dan di bawah garisan tersebut adanya lebam berukuran 2cm diameter. Selanjut, SP11 Dr Mohd Hamizzuri bin Huri, radiologis, setelah diperiksa, mendapati adanya antara lain:

(a) pembengkakan umum terutamanya di bahagian otak depan;

(b) pendarahan selaput otak di bahagian hadapan dan kanan otak;

(c) pendarahan atas selaput otak antara selaput tengkorak di bahagian otak kanan dan otak hadapan kanan;

(d) pendarahan di luar selaput tengkorak di bahagian otak kanan dan hadapan;

(e) darah beku di luar tengkorak di bawah kulit di bahagian tengkorak hadapan.

(f) keretakan pada tulang hadapan kanan tengkorak kanan;

(g) keretakan pada tulang tengkorak hadapan; dan

(h) keretakan pada tulang telinga sehinggalah ke tulang dasar tengkorak kanan.

SP15 (Dr Nyo Nyo Min) pula daripada pemeriksaan luarannya mendapati antara lain: kesan lebam di kedua-dua belah matanya; bahagian hitam biji matanya terdapat kecederaan lebam; dan matanya terbuka tanpa tindak balas pada cahaya. Daripada pemeriksaan dalaman pula: pendarahan pada 'retina' mata berpunca daripada kecederaan teruk (*subdural and subarachnoid haemorrhage*) pada otak menghalang penglihatan. Diperhatikan bencana tubuh dengan jelas telah diakibatkan dan yang pastinya kecederaan kritikal tertumpu di bahagian kepala dan dengan jelas juga ditunjukkan bahawa bencana tubuh tersebut merupakan bencana tubuh yang disengajakan (*non-accidental injuries*). Kami bersetuju dan mendapati aspek ini telah ditemui dan diperincikan dengan jelas oleh hakim bicara.

[21] Soalan selanjutnya adalah sama ada bencana tubuh tersebut, dipertimbangkan secara objektif, adalah mencukupi pada lazimnya untuk menyebabkan kematian. Daripada apa yang dapat kami hayati, peguam seolah-olah menyarankan bahawa mesti adanya keterangan daripada pakar patologi yang menyebut, secara khusus, bahawa bencana tubuh tersebut 'mencukupi pada lazimnya untuk menyebabkan kematian' (*sufficient in the ordinary course of nature to cause death*). Kami tidak bersetuju dengan saranan ini kerana saranan itu seolah-olah menghendaki ungkapan sedemikian diucapkan sebagai satu mantera keramat apabila klausa (c) hendak digunakan. Selaras dengan maksud ujian objektif sepertimana yang digariskan dalam kes *Virsa Singh*, dan peranan mahkamah dalam membuat penentuan itu, apa yang perlu dicari dan dipertimbangkan adalah sama ada terdapatnya keterangan terutamanya dari sudut perubatan dalam membantu mahkamah untuk membuat kesimpulan bagi mencapai maksud ungkapan tersebut. Setelah kami menelaah dengan teliti keterangan dalam rekod, kami mendapati adanya keterangan daripada SP11, pakar radiologi, yang menyatakan (ms 146: Jld 2):

> Q: Apa findings pesakit ini meliputi CT Scan dan x-ray?
>
> A: berdasarkan hasil pemeriksaan CT Scan dan x-ray pesakit mengalami trauma yang berulang terutama kecederaan pada otak yang dapat menyebabkan ancaman pada nyawa.

(Keterangan ini tidak dicabar semasa pemeriksaan balas saksi ini). Selanjutnya, SP13 juga dengan jelas mengatakan kecederaan di kepala yang dialami oleh si mati adalah serius dan semasa dirawat di wad pediatrik dan ICU si mati telah diberikan bantuan pernafasan menggunakan mesin ventilator. Menurut SP13, apabila dirujuk kepada pakar bedah otak di HSA Johor Bahru di samping merujuk filem CT scan, didapati adanya perubahan pada hypoxia yang tidak dapat dipulihkan. Pada 15 Oktober 2012, SP13 mengesahkan otak si mati telah mati (*brain death*). Sebelum itu, SP13 menyatakan (ms 163: Jld 2):

> Q: Apa dia perubahan hypoxia?
>
> A: Menurut doktor neurosurgeon selain daripada pendarahan dan patah terdapat kawasan yang menunjukkan bahagian otak keputusan bekalan oksijen ie hypoxia.
>
> Q: Apa punca perubahan hypoxia?
>
> A: Boleh disebabkan sawan berpunca dari pendarahan di bahagian otak.
>
> Q: Apa alternatif lain oleh hospital ke atas pesakit?
>
> A: rawatan yang diberi hanya rawatan symptom yang ada tetapi tidak dapat untuk pulihkan keadaan pesakit seperti sebelum kejadian.
>
> Q: Peluang untuk hidup pesakit mengalami hypoxia?
>
> A: Kawasan hyposia yang banyak, peluang untuk hidup tipis.

Apa yang jelas juga ialah bencana tubuh itu ialah sesuatu yang disengajakan (*non-accidental*). Keterangan para doktor juga jelas mengatakan bencana tubuh tersebut disebabkan oleh trauma berulang di kepala ie sama ada dek pukulan

atau hentakan kuat dan tumpul pada permukaan keras dan tidak tajam. Berdasar keterangan di atas dan dipertimbangkan sekali dengan bentuk dan punca kecederaan yang dialami, agak mustahil dan menjadi satu keajaiban jika si mati dapat terus hidup. Pada hemat kami, bencana tubuh yang dialami itu, dilihat secara objektif, jelas pada lazimnya mencukupi untuk menyebabkan kematian, lebih-lebih lagi atas bayi yang berumur lebih kurang lapan bulan. Keadaan kes ini amat jauh berbeza dengan kes yang dirujuk dan disandari oleh peguam iaitu *Tham Kai Yau & Ors v Public Prosecutor*, dan *Mohd Yasser Shaik Mahmad v Public Prosecutor*. Dalam kes *Tham Kai Yau & Anor*, hanya seorang doktor sahaja (ahli patologi) dipanggil dan tiada keterangan tentang bentuk (*nature*) bencana tubuh di situ serta kesan lazim dan kemungkinannya (*likely effect*) ditanya dan dikemukakan. Ketiadaan keterangan tersebut tidak dapat membantu mahkamah untuk membuat kesimpulan sama ada bencana tubuh itu pada lazimnya mencukupi untuk menyebabkan kematian. Manakala dalam *Mohd Yasser Shaik Mahmad*, terdapat kekeliruan dalam keterangan pakar patologi (SP16) yang sebenarnya tidak menjawab persoalan sama ada bencana tubuh yang dialami mencukupi pada lazimnya untuk menyebabkan kematian. Ini dimudaratkan lagi dengan keterangan SP16 yang mengatakan bencana tubuh berkenaan tidak ipso facto fatal kerana jika rawatan yang sewajarnya diberikan secepat mungkin, si mati mungkin boleh diselamatkan. Kedua-dua senario di atas tidak timbul dalam kes ini. Terdapat limpahan keterangan tentang bentuk, jenis dan punca dalam membantu mahkamah membuat dapatan bagi maksud ungkapan berkenaan. Dalam hal perkara ini, kami mendapati penghujahan peguam tidak bermerit.

[22] Mengenai isu eksh P26 ie laporan *post-mortem* SD2, yang telah dikemukakan lebih awal melalui SP16 tanpa bantahan oleh peguam, kami berpendapat isu ini tidak memudaratkan kes pendakwaan. Pada hemat kami perkara sebegini tidak seharusnya berlaku. Dicatatkan bahawa menghampiri akhiran kes pendakwaan (iaitu pada 11 November 2014), pihak pendakwaan telah memohon satu penangguhan kerana saksi patologi, yang dihujahkan sebagai penting, sedang menuntut di United Kingdom (UK) sehingga 31 Julai 2015. Hakikat tersebut tidak dicabar oleh peguam. Bagaimanapun, peguam membantah permohonan tersebut dan bantahan tersebut dipersetujui oleh mahkamah. Susulan itu hakim bicara telah mengarahkan pihak pendakwaan menutup kesnya. Agak janggal pada akhiran kes peguam mencabar kemasukan eksh P26 tersebut. Memang seeloknya panggilan SD2 sebagai saksi pendakwa ditangguhkan sehingga kepulangannya, walaupun selepas panggilan pembelaan, namun pada berpendapat kami jika ada pun kecacatan dalam pengemukaan eksh P26 berkenaan, itu tidak memudaratkan sebab terdapatnya keterangan perubatan dan pakar perubatan yang lain mengenai jenis dan punca kematian si mati. Dengan memanggil SD2 sebagai saksi pembelaan, eksh P26 telah diberikan keabsahan dan akhirnya, memperkuatkan lagi kes pendakwaan. Kami juga mendapati penemuan SD2 dalam laporan eksh P26 adalah konsisten dengan rumusan atau kesimpulan saksi-saksi pakar perubatan

yang dipanggil oleh pendakwaan sepertimana diulas di atas. Tuntasnya, kami bersetuju dengan dapatan hakim bicara berkenaan dengan keterangan SD2 itu. Oleh isu ini tidak juga bermerit.

ISU (B): PENGLIBATAN PERAYU DENGAN BENCANA TUBUH YANG MENYEBABKAN KEMATIAN SI MATI

[23] Peguam menghujahkan ada keraguan mengenai siapakah yang menyebabkan bencana tubuh dalam persoalan ke atas si mati. Ditegaskan hakim bicara gagal mengambil kira dan mempertimbangkan keterangan doktor pakar radiologist, Dr Mohd Hamizzuri bin Huri (SP11), yang memberikan anggaran jangka waktu kecederaan-kecederaan di kepala, patah kaki kiri (*spiral in nature*) dan patah tangan kanan yang berlaku sewaktu mangsa berada di bawah jagaan SP5 (datuk), SP7 (nenek) dan ibu si mati (SP8). Kami berpandangan tiadanya kekuatan dalam penghujahan peguam. Kami catatkan bahawa kecederaan pada kaki dan tangan tidak menjadi isu di sini. Kesemua saksi termasuk saksi perubatan dan pakar bersetuju bencana tubuh yang kritikal ialah di kepala dan telah berlaku dalam lingkungan masa 48 jam sebelum si mati dibawa ke hospital dalam keadaan yang boleh dikatakan parah. SP5 dengan jelas menafikan ada mengapa-apakan si mati. Begitu juga dengan SP7 dan SP8. Kecederaan di kaki dan tangan yang diketengahkan oleh peguam tidak menyumbang atau penyebab kematian si mati. Ini disahkan oleh SD2 juga. Dengan itu isu ini dengan jelas tidak bermerit in limine; dan, susulan itu, kami bersetuju dengan dapatan hakim bicara yang berikut:

> [66] Mahkamah berpuas hati fakta/bukti di *Prinsip Pertama* dan *Prinsip Kedua* jika dicantumkan sekali berakhir dengan petunjuk bahawa mulai 9 Oktober 2012 hinggalah si mati dimasukkan dan meninggal di Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor maka OKT lah dan tiada orang lain lagi yang mempunyai peluang terbanyak atau substantial akses (jagaan dan kawalan) untuk melakukan kecederaan ke atas si mati sepertimana disenaraikan di dalam *Elemen Ketiga* kesalahan diperingkat pendakwaan sebelum ini.
>
> [67] Malangnya OKT diperingkat pembelaan ini langsung gagal menyangkal prinsip-prinsip yang telah dianalisa sebelum ini secara terperinci dan apa yang diamati oleh mahkamah ini OKT sekadar menafikan semata-mata (*mere denial*) tanpa disokong oleh bukti-bukti yang lain yang boleh menggugat atau meragukan kes pendakwaan. Dengan itu mahkamah sekali lagi memutuskan pembelaan yang seolah- olah menyalahkan SP5, SP7 dan teman wanitanya adalah tidak berasas dan bermerit sama sekali.

[24] Mengenai penglibatan perayu, kami bersetuju dengan dapatan hakim bicara yang telah menganalisis keterangan yang dikemukakan dan pemakaian perundangan yang mengawal dengan baik sekali. Kami mendapati tiadanya cacat cela yang mewajarkan campur tangan kami dalam penemuan hakim bicara yang berikut:

Elemen Ketiga Pertuduhan

(bahawa kecederaan yang menyebabkan kematian Nur Irisyafida Balkis bt Abdul Azim (si mati) adalah kerana perbuatan OKT)

[30] Mahkamah amati tidak ada keterangan mana-mana saksi pendakwaan yang melihat secara terang-terang atau langsung dengan mata sendiri bahawa OKTlah yang melakukan atau menyebabkan kecederaan sepertimana telah dihuraikan sebelum ini dalam Elemen Kedua Pertuduhan berakhir dengan kematian Nur Irisyafida Balkis bt Abdul Azim (si mati).

[31] Namun begitu, tidak dinafikan terdapatnya keterangan-keterangan mengikut keadaan ('circumstancial evidences') yang mungkin boleh digunakan oleh pihak pendakwaan untuk membuktikan Elemen Ketiga Pertuduhan kes ini.

[32] Mengikut kes *Chandmal & anor v State of Rajasthan* (1970) SC 917 telah diputuskan bahawa 'the onus on the prosecution where the evidence relied on is circumstancial is a very heavy one and that the evidence must point irresistibly to the conclusion of the guilt of the accused'.

[34] Dalam kes yang sama tersebut di atas ada dinyatakan 'circumstancial evidences' hendaklah memenuhi tiga ujian seperti berikut:

(a) the circumstances from which an inference of guilt is sought to be drawn must be cogently and firmly established;

(b) those circumstances should be of a definite tendency unerringly pointing towards the guilt of the accused; and

(c) the circumstances, taken cumulatively, should form a chain so complete that these is no escape from the conclusion that within all human probability the crime was committed by the accused and no one else.

[35] Bila diaplikasikan prinsip ini kepada fakta kes ini maka hasilnya adalah seperti berikut:

(a) Ujian Pertama:

(*the circumstances from which an inference of guilt is sought to be drawn must be cogently and firmly established*)

(i) setelah dikaji, diteliti dan dihalusi 'circumstances' dalam kes ini jelas tidak terdapat sebutir bukti pun yang boleh menunjukkan Nur Irisyafida Balkis binti Abdul Azim (s imati) ada mengalami apa-apa kecederaan pun di tubuh badannya sepanjang tempoh *sebelum* beliau diambil oleh ibunya sendiri iaitu Rafidah bt Mohd Ashak (SP8) bersama OKT daripada rumah atuknya Mohd Ashak bin Talib (SP5) dan neneknya Misnah bt Sulaiman (SP7) pada 9 Oktober 2012 jam lebih kurang 7 malam untuk tinggal bersama mereka di rumah yang disewakan oleh OKT di alamat No 45, Jalan Bistari 2, Taman Bistari, Tongkang Pechah, dalam daerah Batu Pahat, dalam negeri Johor Darul Ta'zim;

(ii) kenyataan tersebut di atas itu disokong oleh keterangan SP5 dan SP7 yang mengesahkan sepanjang dua bulan si mati tinggal bersama mereka di rumah beralamat No 39D, Jalan Sungai Kelambu, Perserai, Batu Pahat, Johor beliau dijaga dengan baik dan berkeadaan sihat selalu;

(iii) malahan keterangan dokumentar (*documentary evidences*) iaitu Rekod Kesihatan Bayi dan Kanak-kanak kepunyaan si mati yang dibekalkan oleh Klinik Kerajaan sepertimana *eksh P15* untuk tujuan pemeriksaan kesihatan bulanan dan imunisasinya menzahirkan si mati dalam keadaan baik, sihat dan tidak bermasalah sedikitpun;

(iv) begitu juga keterangan ibu si mati (SP8) mengesahkan kesihatan dan badan si mati semuanya kelihatan elok dan normal sahaja semasa memandikan anaknya sebelum membawanya keluar bersama OKT daripada rumah SP5 dan SP7 pada malam 9 Oktober 2012;

(v) jadi berasaskan butiran keterangan di atas itu sekaligus ia menjelaskan dapatan pakar-pakar perubatan iaitu SP9, SP10, SP11, SP13, SP14 dan SP15 bahawa kecederaan di lengan kanan dan betis kaki kiri si mati kemungkinan telah berlaku semasa beliau dijaga oleh SP5 dan SP7 adalah jangkaan semata-mata yang langsung tidak disokong oleh keterangan yang nyata;

(vi) namun begitu *pada atau selepas 9 Oktober 2012* iaitu setelah Nur Irisyafida Balkis bt Abdul Azim (si mati) diambil oleh SP8 bersama OKT daripada SP5 dan SP7 untuk tingggal bersama mereka di rumah disewa oleh OKT di No 45, Jalan Bistari 2, Taman Bistari, Tongkang Pechah, Batu Pahat, Johor, maka semua 'circumstances' adalah wajar diberi pertimbangan sepenuhnya untuk dirumuskan atau diputuskan sama ada 'inference' kebersalahan OKT boleh ditentukan; and

(vii) 'Circumstances' yang harus diberi pertimbangan untuk pemakaian ketiga-tiga ujian dalam kes *Chandmal & Ors* adalah seperti berikut:

(1) pada 9 Oktober 2012 jam lebih kurang 7 malam SP8 bersama OKT minta izin daripada ibu dan bapa SP8 iaitu SP5 dan SP7 untuk membawa si mati keluar berjalan-jalan ke Melaka. Namun begitu, SP5 minta SP8 mandikan dan siapkan pakaian si mati terlebih dahulu. Masa mandikan si mati SP8 dapati kesihatan dan badannya elok dan normal sahaja;

(2) selepas keluar dari rumah SP5 dan SP7 maka SP8 bersama OKT singgah di Pusat Permainan Kanak-kanak 'Dear Baby' di Jalan Rogayah bersebelahan kedai makanan segera 'KFC'. OKT mencadangkan kepada SP8 membeli sebuah 'baby walker' untuk kegunaan si mati. SP8 memilih dan membelinya. OKT pula ketika itu bersama si mati di dalam kereta menunggu SP8 selesai membeli belah di pusat tersebut. Oleh kerana hari sudah lewat malam maka rancangan SP8 bersama OKT membawa si mati keluar bersiar-siar di Melaka dibatalkan dan sebaliknya mereka terus ke rumah sewa OKT di No 45, Jalan Bistari 2, Taman Bistari, Tongkang Pechah, Batu Pahat, Johor;

(3) sampai di rumah di Tongkang Pechah dalam pukul 9 malam dan terus OKT minta kakaknya belikan makanan untuk sarapan malam bersama-sama dua orang anaknya. Waktu mereka semua sedang makan si mati pun tiba-tiba menangis lalu dipangku oleh SP8

sambil bergurau untuk balik ke rumah atuk dan nenek si mati iaitu SP5 dan SP7 tetapi kata-kata gurauan SP8 itu tidak disenangi oleh OKT lantas beliau pun menyuruh kakaknya membawa balik kedua-dua anaknya itu;

(4) berlaku sedikit pertengkaran antara OKT dan SP8. Ketika itulah OKT marah dan mengangkat si mati ke atas seolah-olah seperti mahu menghempaskannya ke bawah tetapi ditegur oleh SP8 agar menghentikannya;

(5) bila keadaan kembali tenteram jam lebih kurang 10 atau 11 lebih malam SP8 membawa si mati tidur di dalam bilik di tingkat atas rumah tersebut sehinggalah sedar bangun keesokkan harinya bersamaan *10 Oktober 2012* jam lebih kurang 10 lebih hampir 11 pagi dan barulah beliau perasan OKT ada terbaring bersebelahan bersama si mati atas tilam berasingan;

(6) berikutnya pada jam lebih kurang 2 petang mereka bertiga bersama-sama menikmati makan tengah hari di rumah sewa tersebut. Kemudian si mati mula menangis lalu diambil dan didukung oleh OKT tetapi si mati tetap terus menangis dan melihat keadaan begitu SP8 pun mengambil si mati daripada OKT lalu dimasukkan si mati ke dalam 'baby walker'. Malangnya keadaan si mati masih tidak berubah. OKT tidak bersetuju dengan tindakan SP8 tersebut untuk bersama si mati yang terus menerus menangis begitu lalu OKT menyuruh SP8 beredar ke dapur agar meninggalkan si mati berseorangan untuk mententeramkan keadaannya. Arahan OKT itu membuatkan SP8 berasa sedih dan menangis. Reaksi SP8 sebegitu membuatkan OKT kelihatan macam tidak suka. SP8 pun bertanya OKT sampai bila hendak tinggalkan si mati menangis berseorangan sebegitu. OKT menjawab agar biarkan si mati macam itu. SP8 terus cuba mengambil untuk mendukung si mati tetapi tidak dibenarkan oleh OKT kerana menganggap cubaan SP8 itu memanjakan si mati dan akan membuatkannya terus menangis;

(7) OKT pun mendukung membawa si mati keluar dari rumah tersebut dan masuk ke dalam kereta bersamanya lalu membuka radio sekuatnya. SP8 kemudiannya ke kereta tersebut dan lihat si mati baring di bahagian hadapan kereta dengan OKT disebelahnya. Sebaik sahaja si mati terpandang SP8 beliau terus menangis. OKT pun terus membawa si mati masuk semula ke dalam rumah sambil memarahi SP8 kerana keluar daripada rumah tadi menyebabkan si mati menangis sebaik sahaja melihat wajah ibunya;

(8) kemudian OKT terus bawa si mati naik ke bilik di tingkat atas rumah tersebut dan diikuti oleh SP8. Namun begitu SP8 disuruh oleh OKT turun ke bawah semula dan SP8 akur kerana takut pada OKT. Cuma tinggal si mati dan OKT sahaja di tingkat atas rumah itu. Ketika itu si mati masih lagi terus menangis dengan kuat;

(9) semasa SP8 berseorangan menunggu di ruang tamu di tingkat bawah rumah tersebut kira-kira jam 2.30–3 petang beliau terdengar bunyi seperti tamparan atau tepukan kuat dua belah tangan sebanyak tiga kali dan diikuti jeritan serta tangisan oleh si mati;

(10) SP8 terus meluru naik ke bilik di tingkat atas rumah tersebut dimana kedua-dua si mati dan OKT berada untuk meninjau apa sebenarnya terjadi sebentar tadi. Melalui ruang kecil pintu bilik yang terbuka sedikit sahaja itu SP8 nampak si mati terbaring sebelah OKT dalam keadaan senyap sahaja. Sebaik sahaja OKT perasan SP8 berada berhampiran dengan pintu bilik tersebut beliau menyuruh SP8 turun ke tingkat bawah semula;

(11) seterusnya pada jam 4 petang OKT turun ke tingkat bawah dan mengajak SP8 keluar bersamanya. Sebelum keluar SP8 hendak naik ke tingkat atas melihat si mati tetapi tidak dibenarkan oleh OKT kerana dikatakan si mati sedang tidur;

(12) OKT dan SP8 keluar dari rumah selama lebih kurang dua jam dan pulang ke rumah jam lebih kurang 6 petang. Dalam perjalanan balik ke rumah SP8 disuruh oleh OKT singgah beli makanan di kedai berhampiran rumah sewa mereka di Taman Bistari namun OKT terus balik ke rumah bersendirian terlebih dahulu kerana dikatakan kawannya akan bertandang;

(13) jam lebih kurang 7 petang SP8 tiba di rumah sekadar berjalan kaki sahaja dari kedai makan tersebut dan terus bertanya kepada OKT tentang keadaan si mati. OKT memberitahu si mati 'OK' sahaja tiada sebarang masalah dan telah memberi susu serta sedang nyenyak tidur;

(14) sedang OKT menjawab panggilan telefon di tingkat bawah rumah tersebut SP8 terdengar suara si mati menangis dan SP8 pun terus naik ke bilik si mati berada di tingkat atas rumah itu lalu mengangkat serta membawa si mati turun ke tingkat bawah meletakkan si mati di atas tilam kecil;

(15) si mati menangis semakin teruk serta kelihatan keadaannya semacam tidak sihat dan selesa. SP8 mendapati kepala si mati mengalami bengkak dan di sebelah kanan dahinya terdapat lebam kecil. SP8 tanya OKT macam mana boleh jadi macam itu pada si mati. OKT sekadar berkata hal sebegini biasa terjadi pada 'baby' dan mula memarahi SP8 kerana mengesyaki beliau menyebabkan si mati berkeadaan sebegitu. OKT juga mengatakan kepada SP8 kalau beliau hendak apa-apakan si mati sudah lama boleh dilakukannya;

(16) memandangkan OKT sudah mula marah dan mahu memukul SP8 maka SP8 pun merayu dan memujuk OKT agar membawa si mati mendapatkan rawatan di hospital. OKT pada mulanya enggan namun setelah dipujuk, dirayu dan didesak oleh SP8 akhirnya

OKT hanya sekadar membawa si mati ke klinik swasta di Tongkang Pechah, Batu Pahat, Johor;

(17) di klinik tersebut OKT berjumpa doktor dan memberitahunya cuma tentang si mati mengalami ruam teruk di bahagian kemaluannya sahaja. Namun begitu SP8 bertekad memberitahu doktor tersebut bahawa si mati juga mengalami bengkak di kepalanya. Doktor pun mengeluarkan 'Surat Rujukan' untuk si mati dibawa ke hospital menjalankan pemeriksaan x-ray di kepalanya;

(18) keluar dari klinik tersebut OKT bising pada SP8 kerana menjatuhkan air mukanya di hadapan doktor yang merawat si mati ketika itu;

(19) di dalam kereta SP8 minta OKT membawa si mati ke hospital kerana doktor di klinik tersebut telahpun mengeluarkan 'Surat Rujukan' untuk berbuat demikian. OKT enggan ke hospital dan marah pada SP8 kerana suspek dia menyebabkan si mati berkeadaan sedemikian lalu OKT ambil lampu picit warna hitam hayunnya kena kepala SP8. Seterusnya OKT hayun lampu picit itu sekali lagi dan kali ini mengenai kaki kanan SP8. Diikuti hayunan lampu picit itu lagi tetapi kali ini SP8 sempat memegang tangan OKT dan minta beliau berhenti mencederakan badannya. SP8 suruh OKT memandu ke hospital namun OKT masih enggan dan beliau terus balik ke rumah di Taman Bistari, Tongkang Pechah. Bila masuk ke dalam rumah OKT tutup pintu dan pagar lalu mula marahkan dan pukul SP8. Oleh kerana SP8 takutkan OKT maka beliau pun naik ke bilik tingkat atas rumah tersebut untuk susukan si mati. Tidak lama selepas itu OKT pula naik ke tingkat atas dan arahkan SP8 turun ke tingkat bawah;

(20) SP8 masih menunggu di tingkat bawah sehingga jam 1 pagi bersamaan *11 Oktober 2012*. Kemudian OKT pula turun ke tingkat bawah rumah itu sambil memberitahu SP8 sebenarnya sebelum ini si mati jatuh di tepi katil. Namun begitu SP8 mempersoalkan OKT kenapa tidak bagitahunya bila ditanya sebelum ini. Tanpa menghiraukan kata-kata SP8 tersebut OKT mengajak SP8 keluar bersama pada jam lebih kurang 4 pagi ke satu Pusat Permainan Mesin Judi dan SP8 turut sahaja kerana takutkan OKT akan bertindak agresif. Sampai di sana OKT tinggalkan SP8 berseorangan atas alasan hendak mencari abangnya. Pada jam 6 pagi OKT ada menelefon SP8 bagitahu hendak balik ke rumah di Taman Bistari, Tongkang Pechah untuk meninjau keadaan si mati sekiranya dia bangun akan baginya susu dan selepas itu OKT akan balik semula ke Pusat Permainan Mesin Judi;

(21) Lebih kurang jam 6.30 pagi OKT sampai balik ke Pusat Permainan Mesin Judi tersebut dan di situ sekejap untuk berjudi. Selepas itu barulah OKT bagitahu SP8 perlu balik ke rumah segera kerana keadaan si mati semakin teruk;

(22) jam antara 7–7.30 pagi SP8 dan OKT balik ke rumah dan sebaik sahaja sampai OKT terus ke tingkat atas dan SP8 pula berada di tingkat bawah. Tidak lama kemudian OKT menjerit memanggil SP8 agar naik ke tingkat atas rumah dan di situ SP8 lihat si mati berada di atas lantai dalam keadaan diam sahaja bergelumangan air kencing serta menyapu najisnya di mukanya sendiri. Ketika itu si mati sudah macam nyawa-nyawa ikan dan SP8 pun terus mengangkat si mati membersihkan keseluruhan badannya. SP8 cuba memberikan susu pada si mati namun sudah tidak dapat masuk mulutnya dan muntah keluar balik;

(23) SP8 rujuk serta merayu dan sanggup sujud kaki OKT agar tolong bawa si mati ke hospital. OKT pada mulanya diam sahaja macam tidak mahu bawa tetapi akhirnya beliau akur dan bawa juga si mati diiringi ibunya SP8 ke Hospital Besar, Batu Pahat. Sampai di hospital tersebut, SP8 pun terus merujuk anaknya (si mati) kepada doktor bertugas Dr Megalah a/p Ayanarappan (SP14) di Bilik Emergency dan menceritakan apa sebenarnya terjadi menimpa si mati. SP14 dan Piadetrician Dr Hasliza bt A Razak (SP13);

(24) ketika itu memberitahu SP8 bahawa mereka mengesyaki si mati didera sepertimana *eksh P20*;

(25) di luar Bilik Emergency SP8 ada bertanya OKT apa yang beliau telah lakukan atas diri si mati. Mereka bertengkar dan OKT kemudiannya terus jalan meninggalkan SP8;

(26) mengikut keterangan SP8 lagi dari Emergency Unit si mati ada dihantar menjalani pemeriksaan 'CT Brain' dan 'X-Ray Skeletal Survey' oleh Pakar Radiology Dr Mohd Hamizzuri bin Huri (SP11) yang membuat kesimpulan kecederaan si mati adalah disebabkan oleh hentakkan kuat dan tumpul berulang kali di kepala kanan pada permukaan yang keras dan tidak tajam seperti dinding, lantai atau kayu kemungkinan bukan disengajakan (*non accidental injuries*) dilaporkan dalam *eksh IDD21*;

(27) berikutnya pada hari yang sama jam lebih kurang 10 pagi si mati ada diperiksa juga oleh Opthomologist, Dr Nyo Nyo Min (SP15) di Hospital Besar Batu Pahat, Johor dan hasil pemeriksaan dalamannya menzahirkan terdapatnya pendarahan pada 'retina' mata berpunca dari kecederaan teruk (*subdural and subarachnoid haemorrhage*) pada otak kerana 'non accidental injuries' yang menghalang penglihatan (*eksh P22*);

(28) mengikut SP8 juga si mati berada di Hospital Batu pahat, Johor hanya selama enam hari sebelum meninggal dunia dan ini disahkan melalui laporan pemeriksaan *post-mortem* (*eksh P26*) yang disediakan oleh seorang pakar perubatan forensik iaitu Dr Khairul Anuar Zainun dan dikemukakan melalui pegawai penyiasat kes, ASP Aziz bin Abdullah (SP16) yang mengesahkan kematian si mati adalah disebabkan oleh 'head injury due to blunt force trauma'; dan

(29) segala-gala kejadian ini ada dinyatakan oleh SP8 di dalam Laporan Polis Tongkang Pechah No: 1344/12 sepertimana *eksh P16*;

(viii) kalau dilihat kembali pada senarai 'circumstances' yang disebut sebelum ini untuk membawa 'inferences' kebersalahan OKT jelaslah ianya dizahirkan atau dibuktikan begitu 'cogently' dan 'firmly' oleh SP8 yang merupakan bukan sahaja ibu kepada si mati tetapi juga secara kebetulan teman lelaki kepada OKT yang bersekedudukan sepanjang episod kejadian ini menimpa si mati. Mulai 9 Oktober 2012 sehinggalah kematiannya di rumah tempat kejadian bernombor 45, Jalan Bistari 2, Taman Bistari, Tongkang Pecah, dalam daerah Batu Pahat, dalam negeri Johor Darul Ta'zim;

(ix) keterangan SP8 ini juga disokong oleh bapanya (SP5) serta ibunya (SP7) yang mengesahkan semasa si mati dalam jagaan mereka kesihatan dan tubuh badannya semuanya kelihatan elok dan normal sahaja tanpa apa-apa kecederaan;

(x) seterusnya, kecederaan-kecederaan yang dialami si mati diakui oleh Dr Khairul Nahar bin Aminuddin (SP10) yang merawatnya di Klinik Putra (swasta) Tongkang Pechah, Batu Pahat, Johor dan juga doktor berkenaan ini ada mengeluarkan Surat Rujukan agar si mati diberi rawatan x-ray di bahagian kepalanya di Hospital Besar, Batu Pahat, Johor;

(xi) di Emergency Unit, Hospital Besar Batu Pahat tersebut si mati diperiksa oleh doktor bertugas, Dr Megalah a/p Ayanarappan (SP14) dan Pediatrician, Dr Hasliza bt A Razak (SP13) melalui Laporan Perubatannya masing-masing iaitu *eksh P27* dan *eksh P20* mengesyaki si mati didera;

(xii) hasil pemeriksaan 'CT Brain' dan 'x-ray skeletal survey' oleh pakar radiology Dr Mohd Hamizzuri bin Huri (SP11) melalui Laporan Perubatannya (*eksh IDD21*) mengesahkan kecederaan si mati adalah disebabkan oleh hentakkan kuat dan tumpul berulang-kali di kepala kanan pada permukaan yang keras dan tidak tajam seperti dinding, lantai atau kemungkinan bukan disengajakan (*non accidental injuries*);

(xiii) si mati juga ada diperiksa oleh Opthomologist, Dr Nyo Nyo Min (SP15) di Hospital Besar Batu Pahat, Johor dan hasil pemeriksaan dalamannya dizahirkan dalam Laporan Perubatannya *eksh P22* bahawa terdapatnya pendarahan pada 'retina' mata berpunca dari kecederaan teruk (*subdural and subarachnoid haemorrhage*) pada otak kerana 'non accidental injuries' yang menghalang penglihatannya;

(xiv) akhir sekali laporan post mortem (*eksh P26*) yang disediakan oleh seorang pakar perubatan forensik iaitu Dr Khairul Anuar Zainun dan dikemukakan melalui pegawai penyiasat kes, ASP Aziz bin Abdullah (SP16) mengesahkan kematian si mati adalah disebabkan oleh 'head injury due to blunt force trauma';

(xv) jadi dengan adanya saksi-saksi berkenaan itu dan disokong pula oleh keterangan-keterangan dokumentar maka mahkamah memutuskan

pihak pendakwaan berjaya membuktikan ujian pertama kes *Chandmal & Ors*; A

(b) Ujian Kedua:

(*those circumstances should be of a definite tendency unerringly pointing towards the guilt of the accused*) B

(i) kalau dirujuk kepada senarai 'circumstances' sebelum ini kebanyakkan masa si mati selepas 9 Oktober 2012 semasa di rumah di tempat kejadian No 45, Jalan Bistari 2, Taman Bistari, Tongkang Pecah, Batu Pahat, Johor bersama si mati berbanding ibunya sendiri iaitu SP8;

(ii) bermula daripada saat OKT membawa si mati keluar dari rumah dan masuk bersama di dalam kereta berduaan sahaja duduk sebelah menyebelah bebaring dengan membuka radio sekuatnya pasti memudaratkan ketenteraman diri si mati ketika itu; C

(iii) diikuti tindakan OKT membawa si mati ke bilik di tingkat atas rumah termpat kejadian berduaan sahaja tanpa membenarkan SP8 peluang untuk bersama-sama anaknya (si mati). Tidak lama kemudian selepas itu ketika SP8 menunggu di tingkat bawah pada jam kira-kira 2.30–3 petang beliau terdengar tiga kali seperti tamparan atau tepukan sangat kuat dua belah tangan dari bilik di mana kedua-dua OKT dan si mati berada di tingkat atas rumah tersebut lalu serta merta dituruti jeritan nyaring serta tangisan si mati tersangat kuat. Sungguhpun SP8 cuba meninjau anaknya di tingkat atas itu namun dia telah dihalau oleh OKT agar turun balik ke tingkat bawah rumah itu. SP8 ketakutan dan akur dengan perintah OKT tetapi beliau sempat melihat si mati terbaring sebelah OKT tiba-tiba dalam keadaan senyap sahaja sungguhpun sebelum ini si mati menjerit dan menangis sekuat hatinya; D E F

(iv) SP8 langsung tidak dibenarkan oleh OKT untuk melihat si mati selepas kejadian tadi dan tiba-tiba jam 4 petang OKT meminta SP8 keluar dari rumah tersebut bersama-samanya meninggalkan si mati berseorangan di rumah; G

(v) selepas dua jam keluar mereka menuju balik semula ke rumah tetapi sudah hampir tiba OKT meninggalkan SP8 singgah beli makanan di kedai berhampiran rumah sewa di Taman Bistari tetapi OKT Terus balik ke rumah bersendirian terlebih dahulu kerana dikatakan kawan beliau akan bertandang. Ini memberi ruang kepada OKT bersendirian bersama si mati di rumah tanpa kehadiran SP8; H

(vi) sebaik sahaja SP8 tiba di rumah pada jam lebih kurang 7 petang, OKT terus memberitahunya si mati 'OK' sahaja tiada sebarang masalah dan telah memberi susu serta sedang nyenyak tidur. Hal ini kemudiannya didapati tidak benar dan akan dizahirkan fakta apa sebenarnya terjadi pada si mati. Perlakuan OKT sebegitu perlu dititik beratkan di bawah s 8 Akta Keterangan 1950 dan sudah pasti beliau kena perjelaskan sepertimana kehendak peruntukkan di bawah s 9 Akta yang sama; I

(vii) turutan daripada peruntukkan s 8 dan s 9 Akta Keterangan 1950 itu SP8 semasa mengambil si mati yang sedang menangis di tingkat atas rumah tersebut mendapati kepala si mati mengalami bengkak dan di sebelah kanan dahinya terdapat lebam kecil. Apabila ditanya oleh SP8 perkara menimpa si mati itu OKT sekadar berkata hal sebegitu biasa terjadi pada 'baby' dan mula memarahi SP8 kerana mengesyaki beliau menyebabkan si mati berkeadaan sedemikian. Perlakuan OKT itu amat aneh dan menimbulkan pelbagai soalan. Sekiranya OKT orang yang tidak bersalah kenapa cuba mengelak kenyataan dan tidak menjawab secara tulus serta ikhlas apa sebenarnya terjadi pada si mati dan tidak perlulah memarahi SP8;

(viii) sungguhpun si mati dalam keadaan tenat ketika itu dan dipujuk oleh SP8 agar merujuk si mati ke Hospital Batu Pahat, Johor, namun begitu OKT pada mulanya enggan. Cuma selepas didesak oleh SP8 barulah OKT membawa si mati ke klinik swasta sahaja di Tongkang Pechah, Batu Pahat dan tidak ke hospital sebagaimana sepatutnya. Di klinik tersebut OKT cuma memberitahu doktor yang si mati mengalami ruam teruk di bahagian kemaluannya sahaja dan langsung tidak meminta dibuat pemeriksaan bengkak di kepala dan lebam kecil di sebelah kanan dahi si mati. Kenapa SP8 enggan ke hospital dan cuba menutup kecederaan dialami si mati di kepala dan dahinya. Perbuatan atau perlakuan OKT sungguh tidak rasional dan munasabah. Seharusnya OKT menjelaskan secara tulus mengikut kehendak s 9 Akta Keterangan 1950;

(ix) sudahlah enggan ke hospital dan menutup hal sebenarnya kecederaan menimpa si mati. Maka OKT lebih dasyat lagi memarahi dan memukul SP8 di dalam kereta dan ini disokong oleh Laporan Perubatan hasil pemeriksaan kecederaan dialami oleh SP8 (*eksh P27*). OKT tetap enggan membawa si mati ke Hospital Besar Batu Pahat,Johor dan sebaliknya terus balik ke rumah sewanya di Taman Bistari, Tongkang Pechah, Batu Pahat dan sebaik sahaja masuk di dalam rumah OKT terus lagi memukul SP8. Apa yang mahkamah amati OKT seolah-olah cuba menyembunyikan sesuatu daripada pengetahuan SP8 kerana tergamak bersikap kasar dan agresif tersebut;

(x) tidak lama selepas itu OKT masih tidak benarkan SP8 mendekati si mati apabila beliau mengarahkan SP8 ke tingkat bawah rumah sungguhpun SP8 ketika itu sedang menyusukan anaknya (si mati). Sekali lagi membuktikan OKTlah yang banyak meluangkan masa dengan si mati berbanding SP8. Malangnya SP8 tidak dapat memantau atau menegur sikap OKT tersebut kerana takut dimarahi dan dipukul oleh OKT;

(xi) pada jam 1 pagi bersamaan 11 Oktober 2012 OKT berdolak dalik lagi apabila SP8 memberitahunya si mati berkeadaan sedemikian kerana sebelum ini dikatakan jatuh ditepi tilam. Penjelasan OKT kepada SP8 tentang kejadian menimpa si mati amat tidak konsisten asyik berubah-ubah daripada satu alasan kepada alasan yang berbeza. Sangat-sangat meragukan reaksi OKT ini apabila menyentuh keadaan kecederaan menimpa si mati;

(xii) menganehkan lagi jam 4 pagi OKT minta SP8 mengikutnya ke satu Pusat Permainan Mesin Judi, meninggalkan si mati keseorangan di rumah itu. SP8 terpaksa mengikuti kehendak OKT kerana takut akan dimarahi dan dipukul olehnya. Sampai di tempat Pusat Permainan Mesin Judi OKT lalu tinggalkan SP8 keseorangan di situ atas alasan beliau hendak mencari abangnya. Pada jam 6 pagi OKT menelefon SP8 memberitahu beliau hendak balik ke rumah di Taman Bistari, Tongkang Pecah, Batu Pahat untuk meninjau keadaan si mati sekiranya dia bangun akan baginya susu. Sekali lagi keterangan ini membuktikan OKT mempunyai akses kepada si mati tanpa kehadiran dan pengetahuan SP8 apa berlaku antara OKT dan si mati dalam tempoh tersebut;

(xiii) benarlah apa dikatakan tadi cuma pada jam 6.30 pagi barulah OKT timbul di Pusat Permainan Mesin Judi dan juga sempat bermain judi terlebih dahulu sekejap sebelum memberitahu SP8 mereka perlu balik ke rumah segera kerana keadaan si mati semakin teruk;

(xiv) jelas daripada keterangan ini keadaan si mati semakin teruk kecederaannya tiap kali dia berada bersama OKT dan OKT sanggup melengahkan berita kemudaratan menimpa si mati kepada SP8. Ini seolah-olah OKT mempunyai perancangan tertentu ke atas si mati menggunakan ruang kelemahan SP8 untuk memantau perlakuannya;

(xv) apa yang dijangkakan benar-benar terjadi pada diri si mati dimana sebaik sahaja OKT dan SP8 sampai di rumah, OKT terus ke tingkat atas memanggil SP8 melihat si mati berada di atas lantai dalam keadaan diam sahaja bergelumangan air kencing serta menyapu najisnya di mukanya sendiri. Masa itu si mati sudah nyawa-nyawa ikan dan SP8lah dengan segera mengangkat dan membersihkan dirinya lalu diberi susu tetapi sudah terlewat dimuntahkan keluar balik semuanya. Persoalannya macam mana OKT tidak mengetahui kejadian ini semuanya pada hal setengah jam sebelum itu OKT berada bersama-sama dengan si mati di rumah itu dan kenapa beliau tidak berbuat sesuatu menolong si mati sekurang-kurangnya menghantar si mati terus ke hospital terlebih dahulu sebelum balik semula berjumpa SP8 di Pusat Permainan Mesin Judi. Kejadian ini nampak macam OKT sengaja meninggalkan si mati berseorangan ataupun memudaratkan lagi keadaan si mati yang sudah berkeadaan amat teruk. Cuma OKT sahaja yang dapat menjelaskan perihal si mati kerana tiada bukti menunjukkan ada orang lain yang menyebabkan keadaan kecederaan si mati sebegitu rupa;

(xvi) malahan dalam keadaan si mati begitupun OKT masih lagi enggan ataupun takut untuk menghantar si mati ke Hospital Besar Batu Pahat. Pepatah Melayu berkata takut kerana salah dan berani kerana benar. Kalau benar OKT tidak bersalah kenapa beliau takut sangat untuk merujuk si mati ke hospital sehinggalah SP8 sanggup sujud pada kakinya barulah OKT menghantar si mati ke hospital. Ini semacam OKT mempunyai udang disebalik batu: Dengki, dendam dan perasaan amarah sahaja yang boleh mendorong OKT sanggup berbuat sedemikian;

(xvii) setelah diberitahu oleh SP13 dan SP14 di Emergency Unit Hospital Besar Batu Pahat, Johor bahawa mereka mengesyaki si mati didera maka SP8 bertanyakan OKT semasa di luar Emergency Unit itu dan OKT masih lagi berdolak-dalik dan kali ini pula beliau memberitahu sebenarnya si mati jadi begitu kerana jatuh tangga. Kenapa tidak diberitahu hal ini awal-awal lagi dan kenapa penjelasan tidak konsisten macam orang membuat sesuatu kesalahan menyembunyikan fakta sebenar kejadian;

(xviii) jadi semua 'circumstances' di atas itu sudah terang lagi tersuluh menzahirkan 'definite tendency' tanpa ragu-ragu lagi membuktikan cuma OKT seorang sahaja yang mempunyai akses dan peluang seluas-luasnya melakukan perbuatan mencederakan si mati merupakan kesalahan dirinya; dan

(xix) Maka atas alasan itu mahkamah memutuskan pihak pendakwaan berjaya membuktikan ujian kedua kes *Chandmal & Ors*;

(c) Ujian Ketiga:

(*the circumstances, taken cumulatively, should form a chain so complete that there is no escape from the conclusion that within all human probability the crime was committed by the accused and no one else*)

(i) 'Circumstances' disenaraikan di bawah ujian pertama jelas telah di'cogently and firmly established' oleh saksi-saksi berwibawa disokong pula oleh keterangan-keterangan documentar yang langsung tidak dapat dipertikaikan kesahihannya apabila digabungkan dengan 'circumstances' di bawah ujian kedua yang menzahirkan 'definite tendency' tanpa apa-apa keraguan membuktikan OKT mempunyai akses dan peluang seluas-luasnya melakukan kecederaan pada tubuh badan si mati maka ianya menjadi satu rantaian yang lengkap tanpa ruang atau lompang dirumuskan bahawa dalam kerangka kebarangkalian kemanusiaan kesalahan jenayah mendatangkan kecelakaan kepada si mati tidak dilakukan oleh orang lain melainkan OKT seorang sahaja;

(ii) dengan analisa tersebut maka mahkamah merumuskan pihak pendakwaan berjaya membuktikan ujian ketiga kes *Chandmal & Ors*; dan

(iii) dengan jayanya pembuktian ketiga-tiga ujian tersebut maka mahkamah memutuskan pihak pendakwaan juga telah berjaya membukti elemen ketiga pertuduhan.

KESIMPULAN

[25] Berdasarkan huraian di atas, kami bersetuju bahawa pendakwaan telah berjaya membuktikan kes terhadap perayu tanpa keraguan yang munasabah. Kami juga bersetuju bahawa hakim bicara telah tidak melakukan apa-apa salah arah atau kecacatan dalam mempertimbangkan pembelaan perayu dan mendapati pembelaan tersebut gagal menimbulkan apa-apa keraguan ke atas kes pendakwaan. Ekoran itu, kami memutuskan rayuan ini tidak bermerit.

Rayuan perayu dengan itu ditolak. Sabitan hukuman hakim bicara disahkan dan dikekalkan.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar